

3 JAN 1996
(Analisis Berita)
KESAN-KESAN HARAM MEROKOK

Oleh: ROSLIWATY RAMLY

KUALA LUMPUR: Ketika ramai sedang leka menikmati "keenakan" merokok, mereka tiba-tiba dikejutkan dengan fatwa bahawa merokok itu haram, setelah selama ini ia hanya dianggap makruh.

Fatwa itu dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Selangor dan kemudian disokong Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Pendirian jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan dari 11 negeri lain mengenai fatwa terbaru ini belum diumumkan.

Walaupun setakat ini hanya dua negeri memfatwakan bahawa merokok itu haram, ini sudah cukup untuk menggoncang ketenteraman jiwa tidak saja kumpulan perokok tetapi juga mereka yang hidupnya banyak bergantung pada industri tembakau. Seramai 318,000 bekerja dalam industri ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa merokok itu merosakkan kesihatan dan perbuatan membazir. Rakyat Malaysia membelanjakan RM2 juta sehari untuk merokok.

Tetapi tanpa mengira akibat ini, bagi mereka yang sudah ketagihan, merokok tidak lagi boleh dipisahkan dari bibir mereka, bagai tidak terpisahnya lagu dan irama.

Menurut Kementerian Kesihatan merokok boleh mengakibatkan barah paru-paru dan penyakit ini adalah pembunuh nombor satu di kalangan lelaki di Malaysia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan, produk tembakau menyebabkan kematian kira-kira tiga juta orang di dunia setahun atau 30 juta orang dalam dekad ini.

Keputusan jawatankuasa perunding itu adalah sama dengan pandangan Syeikh Muhammad al-Aini dalam bukunya, "Fatwa Syurbi al-Dukhan" (Hukum Menghisap Rokok) dan "Nasihah al-Insan". Antara lain buku itu menyebut:

+ Ia memudaratkan kesihatan yang disepakati doktor pakar, dan setiap yang memudaratkan kesihatan adalah haram. Penggunaannya boleh melesukan badan sedangkan perbuatan itu dilarang berdasarkan hadis riwayat Imam Ahmad yang menyebut istilah 'muftirun' (yang melesukan);

+ Al-Quran menyebut bahawa orang yang membazir itu adalah saudara syaitan.

Sejak daripada itu, isu merokok menjadi tajuk perbualan hangat di kalangan para perokok yang mempertahankan bahawa merokok itu hanyalah makruh dan bukan haram, tetapi yang anti-merokok berpendapat sebaliknya.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa tembakau merupakan satu industri raksaksa yang membawa hasil berjuta-juta ringgit sehingga tiada kerajaan yang mampu mengharamkannya.

Di Malaysia, ia memberi sumbangan kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara terutama penduduk luar bandar di mana peluang ekonomi begitu terhad.

Menurut perangkaan 1989, yang dihipunkan oleh industri tembakau dan Lembaga Tembakau Negara (LTN), industri itu menyediakan sumber pendapatan bagi 318,000 pekerja (termasuk mereka yang memberi perkhidmatan dan menyediakan barangan kepada sektor pengilangan dan perdagangan serta tanggungan mereka).

Daripada 216,542 penanam dan pengawet tembakau, kira-kira 95 peratus daripadanya adalah bumiputera yang semata-mata bergantung hidup dengan industri itu.

Dan bila merokok difatwakan haram, bayangkan nasib beribu-ribu rakyat yang terpaksa "gulung tikar" atau mencari rezeki lain.

Fatwa para ulama sebelum ini yang dipegang sekian lama, merokok adalah

makruh - perbuatan yang jika dikerjakan tidak berdosa tetapi jika ditinggalkan mendapat pahala.

Disebabkan hukumnya tidak haram, tidak seperti berjudi, makan babi, membunuh, minum arak, berzina dan lain-lain, maka umat Islam terus mengamalkan tabiat merokok walaupun menyedari ia memudaratkan kesihatan.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman menyarankan agar semua pihak meninjau secara positif fatwa yang dikeluarkan kedua-dua negeri itu.

Tanpa mengira fatwa ini diterima atau tidak, hukum mengharamkan merokok itu memberi kesan psikologi yang mendalam terhadap seseorang perokok.

Ini boleh menimbulkan kekeliruan dan keresahan sekiranya ia tidak diperjelaskan berlandaskan kesahihan nas, hadis atau firman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, kerajaan pusat tidak akan mengharamkan tabiat merokok tetapi akan memperluaskan lagi kawasan atau tempat-tempat yang dilarang merokok.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), N.Marimuthu berharap kerajaan membuat keputusan supaya rokok diharamkan kerana ia bukan sahaja perbuatan membazir malah tidak memberi sebarang manfaat.

"Rakyat negara ini membelanjakan kira-kira RM2 juta sehari untuk membeli rokok tanpa menghiraukan kesan kesihatan pada diri, keluarga dan persekitaran," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr Rosemawati Ariffin pernah berkata kajian mendapati isteri kepada seorang perokok mempunyai pertambahan risiko sebanyak 30 peratus menghidap barah paru-paru sementara kanak-kanak mudah dijangkiti penyakit seperti jangkitan saluran pernafasan, paru-paru, gangguan usus dan gangguan pertumbuhan fizikal jika terdedah kepada asap rokok.

Seorang pekerja awam, Ibrahim Wahab, 60, berkata fatwa mengharamkan merokok telah menjejaskan fikirannya kerana selama ini menganggap tabiat itu sekadar makruh.

Beliau yang merokok sejak berusia 13 tahun, berkata "Perkara halal haram tidak boleh dibuat main-main kerana ia boleh mengakibatkan kebimbangan yang tidak wajar dan menjejaskan psikologi seseorang dan oleh itu kajian mengenai perkara itu perlu dibuat sebelum memutuskan sebarang fatwa."

Seorang awam, Rohana Ahmad, 40, pula menyokong fatwa bahawa merokok itu haram kerana firman Tuhan menyatakan orang-orang yang beriman sewajarnya menghindari diri daripada melakukan perbuatan atau amalan yang boleh memudaratkan diri.

Beliau berpendapat walaupun tidak tercatat dalam Al-Quran dan hadis mengenai haram merokok, namun Pusat Islam boleh mengeluarkan fatwa sebagai garis panduan demi kesejahteraan umat dan terpulanglah sama ada mereka mahu meninggalkan tabiat yang merugikan itu atau sebaliknya.

Bagaimanapun, sekiranya pihak berkuasa agama memutuskan bahawa merokok itu haram, ia perlu pula memikirkan alternatif yang dapat membantu lebih 300,000 orang yang akan hilang mata pencarian dalam industri tembakau. -- Bernama